



19 JAN, 2026

274 pelajar miskin dan asnaf Parlimen Lipis terima sumbangan persiapan kembali ke sekolah

Utusan Malaysia, Malaysia



274 pelajar miskin dan asnaf Parlimen Lipis terima sumbangan persiapan kembali ke sekolah

SERAMAI 274 pelajar miskin dan asnaf kawasan luar bandar Parlimen Lipis telah menerima sumbangan baucar RM100 bagi persiapan kembali ke sekolah anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bandar Kuala Lipis, Lipis, Pahang baru-baru ini. Ahli Parlimen Lipis, Datuk

Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, program dilaksanakan dengan kerjasama TNB untuk meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan serta memastikan pelajar berkenaan bersedia dan bersemangat menghadapi sesi persekolahan tahun ini.

■ ABDUL RAHMAN Mohamad (belakang, lima kanan) bersama sebahagian pelajar miskin dan asnaf selepas majlis penyerahan baucar RM100 persiapan kembali ke sekolah anjuran Tenaga Nasional Berhad di Lipis, Pahang, baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD